



Bahagian A

(50 markah)

Jawab mana-mana **LIMA** soalan dalam bahagian ini.

- 1 a) Terangkan tujuan perniagaan. [2 markah]

- b) Maklumat berikut berkaitan dengan bentuk lain pemilikan perniagaan.

Lembaga Tabung Haji dan Amanah Raya telah bekerjasama menubuhkan Abraj Management Sdn. Bhd. (Abraj) dengan pemilikan saham secara sama rata.

(Sumber : Dipetik dan disesuaikan daripada http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=0330&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri_&pg=dn_15.htm)

Berdasarkan maklumat di atas, huraikan bentuk lain pemilikan perniagaan tersebut.

[4 markah]

- c) Maklumat berikut berkaitan dengan Madina Food Industries yang merupakan pengilang makanan dan minuman yang beroperasi di Kangar, Perlis.

Bilangan pekerja	15 orang
Jumlah jualan tahunan	RM700 000
Pasaran	Malaysia, Thailand, Indonesia, Singapura
Visi perniagaan	"Menjadi pengeluar bumiputera Muslim yang terkemuka dalam penghasilan produk serbuk minuman berkualiti tinggi".

Berdasarkan maklumat di atas, jelaskan saiz dan sektor perniagaan tersebut.

[4 markah]

- 2 a) Keratan akhbar di bawah berkaitan dengan isu yang berlaku di dalam negara.

KUALA LUMPUR : Penurunan kadar inflasi tidak bermakna harga barangan akan turun, sebaliknya harga masih meningkat tetapi pada kadar yang lebih perlahan.

Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM), Datuk Seri Abdul Rasheed Ghaffour, berkata walaupun persekitaran inflasi negara kini rendah dan terkawal, harga barangan mungkin terus naik, namun tidak setinggi sebelumnya.

Penjelasan itu sekali gus menjawab persoalan berhubung jurang antara perangkaan ekonomi semasa dengan realiti kos sara hidup yang dirasakan rakyat.

Sumber: Diubah suai <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2026/02/1509917>

Bagaimanakah peranan kerajaan untuk mengatasi situasi tersebut? [4 markah]

- b) Terangkan **dua** faktor persekitaran luaran yang membawa perubahan kepada aktiviti perniagaan. [4 markah]



c) Maklumat berikut merupakan objektif Syarikat Ayam Gepuk Sedap Sdn. Bhd.

- Menambah dua cawangan baharu untuk menguasai 50% syer pasaran bagi produk ayam gepuk.
- Mencapai peningkatan jualan sebanyak 20% dalam tempoh setahun dengan menawarkan produk berkualiti.

Bagaimanakah faktor pertumbuhan perniagaan boleh mempengaruhi pencapaian objektif syarikat tersebut? [2 markah]

3 a) Gambar 1 berkaitan dengan campuran pemasaran yang diamalkan oleh Syarikat XX.




Gambar 1

Nyatakan **dua** jenis promosi yang terlibat dengan gambar diatas. [2 markah]

- b) Terangkan dua aplikasi teknologi maklumat berikut :
- i) e-pemasaran [2 markah]
 - ii) e-dagang [2 markah]

c) Rajah 1 berkaitan dengan langkah langkah pembangunan produk baharu.



Rajah 1

Jelaskan tentang :

- i) Penyaringan idea [2 markah]
- ii) Pembangunan konsep dan pengujian produk [2 markah]

- 4 a) Sejauh manakah pengurusan sumber manusia mempengaruhi kejayaan sesebuah organisasi perniagaan? Jelaskan. [4 markah]

- b) Berikan definisi bagi komponen utama dalam sistem penggajian berikut :
- i) Upah [2 markah]
- ii) Elaun [2 markah]

- c) Nyatakan **dua** tujuan pengurusan sumber teknologi dalam membantu meningkatkan kecekapan sesebuah organisasi perniagaan. [2 markah]



5 a) Jelaskan tentang sumber pembiayaan pempfaktoran. [3 markah]

b) Gambar 2 berkaitan dengan aset yang dibeli oleh sesebuah perniagaan.



Gambar 2

Berdasarkan gambar di atas, apakah jenis sumber pembiayaan yang sesuai? Berikan alasan anda. [3 markah]

c) Berikut adalah maklumat berkaitan dengan produk kecantikan milik Puan Laili.

Puan Laili telah memulakan perniagaan menghasilkan produk kecantikan. Setelah memulakan perniagaan, beliau ingin mengetahui pihak-pihak berkepentingan yang secara langsung atau tidak langsung kepada penyata kewangannya.

Selain daripada pihak dalaman, terangkan **dua** pihak berkepentingan yang memerlukan memerlukan penyata kewangan tersebut. [4 markah]

6 a) Maklumat berikut berkaitan dengan seorang usahawan.

Encik Bismi merupakan seorang usahawan yang mengusahakan kilang memproses ayam segar di Jejawi pada tahun 2024 dan kini beliau juga mempunyai empat ladang penternakan ayamnya sendiri di samping menggunakan teknologi penyembelihan moden.

Jelaskan kelebihan yang diperoleh masyarakat apabila Encik Bismi menjalankan perniagaan tersebut. [4 markah]

b) Nyatakan **dua** kelebihan berniaga sebagai satu peluang kerjaya kepada Encik Bismi. [2 markah]

- c) Gambar 3 berkaitan promosi yang dijalankan oleh sebuah syarikat pengeluar beg tangan wanita.



Gambar 3

Huraikan kaedah promosi yang sesuai dijalankan oleh pengeluar produk tersebut bagi meningkatkan lagi jualan produk seterusnya dapat meningkatkan keuntungan syarikat. [4 markah]

Bahagian B

(30 markah)

Jawab mana-mana **DUA** soalan dalam bahagian ini.

- 7 a) Maklumat berikut berkaitan dengan penubuhan suatu bentuk milikan perniagaan.

Encik Aryan merancang untuk menubuhkan sebuah syarikat logistik, HantarCepat Sdn. Bhd., bagi menyediakan perkhidmatan penghantaran barang yang lebih cekap dan sistematik. Puan Sofea selaku pengurus pemasaran ditugaskan untuk merancang strategi campuran pemasaran bagi perkhidmatan tersebut agar perniagaan mereka dapat bersaing dalam pasaran dan memperoleh keuntungan yang optimum.

- i) Jelaskan kepada Encik Aryan prosedur penubuhan perniagaan tersebut.

[6 markah]

- ii) Bagaimanakah elemen campuran pemasaran dapat membantu HantarCepat Sdn. Bhd. dalam meningkatkan hasil jualan perkhidmatan mereka setiap tahun?

[4 markah]

- b) Mengapakah keuntungan penting kepada sesebuah perniagaan.

[5 markah]

- 8 a) Terangkan kepentingan interaksi antara bahagian fungsian dalam sesebuah organisasi dengan organisasi luar untuk memastikan kelancaran operasi perniagaan. [6 markah]

- b) Maklumat berikut berkaitan dengan rancangan perniagaan.

Rancangan Perniagaan ialah satu dokumen bertulis yang menerangkan secara terperinci tentang sesuatu perniagaan yang ingin dijalankan atau sedang dijalankan. Dokumen ini merangkumi aspek seperti objektif perniagaan, strategi pemasaran, kewangan dan operasi.

Berdasarkan stimulus di atas, analisis kepentingan Rancangan Perniagaan dalam membantu seseorang usahawan mencapai kejayaan dalam perniagaan. [4 markah]

- c) Jelaskan kandungan rancangan operasi dalam format Rancangan Perniagaan.

[5 markah]

- 9 a) Maklumat berikut berkaitan dengan perniagaan Maju Sukan Enterprise.

Maju Sukan Enterprise merupakan perniagaan menjual peralatan sukan yang beroperasi di Arau, Perlis. Ringkasan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2025 adalah seperti berikut :

Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 31 Disember 2025

	RM
Jualan	25 800
<i>Tolak:</i> Kos jualan	<u>18 800</u>
Untung kasar	7 000
<i>Campur:</i> Hasil	<u>5 000</u>
	12 000
<i>Tolak:</i> Belanja	<u>4 300</u>
Untung bersih	<u>7 700</u>

- i) Jelaskan pihak yang berkepentingan kepada penyata kewangan di atas dalam mengawal dan merancang aktiviti perniagaan Maju Sukan Enterprise. [6 markah]
- ii) Kirakan peratus margin untung kasar dan tafsiran nilai yang diperolehi. [5 markah]
- b) Mengapakah kunci kira-kira penting kepada usahawan? [4 markah]

10 Baca dengan teliti kes di bawah.

The 90's Cafe diasaskan oleh Encik Afif pada 2021. Beroperasi di pusat bandar Kangar, The 90's Cafe mempunyai ramai pelanggan setia yang gemar menikmati kopi dan kek di persekitaran yang berlatarbelakangkan suasana 1990-an. Pada mula penubuhannya, The 90's Cafe hanya menyasarkan pelanggan di sekitar bandar Kangar yang kebanyakannya terdiri dari pekerja di jabatan kerajaan dan juga penduduk taman perumahan. Hasil dari kaedah pemasaran yang kreatif dan inovatif, terutamanya di media sosial, telah berjaya meningkatkan pasaran sehingga The 90's Cafe mula menerima kunjungan dari penduduk luar bandar Kangar. Perkembangan ini mendorong Encik Afif membuka sebuah cawangan di pekan Arau pada akhir tahun 2025.

The 90's Cafe menawarkan pelbagai jenis kopi yang mempunyai rasa unik dan tersendiri yang tidak terdapat di mana-mana kedai kopi dan cafe di Perlis. Resepi kopi ini kebanyakannya dicipta sendiri oleh Encik Afif hasil dari pengalaman, penyelidikan dan ujikajinya sendiri. Keunikan rasa inilah yang menjadi tarikan utama pelanggan ke The 90's Cafe.

The 90's Cafe di bandar Kangar mempunyai 2 orang barista (pembancuh kopi) yang berkelulusan sijil di dalam bidang kulinari dari Kolej Vokasional serta seorang juruwang dan dua orang pembantu am. Pembukaan cawangan baharu di pekan Arau menyebabkan Encik Afif telah menambah 5 orang pekerja, antaranya dua orang barista dari pesaing yang telah menutup perniagaannya.

Untuk memastikan The 90's Cafe mampu memenuhi kehendak pelanggan, Encik Afif merancang untuk menggantikan 2 mesin kopi lamanya dengan 4 buah mesin kopi terkini. Oleh itu, dia bercadang untuk mendapatkan pembiayaan secara sewa beli sebanyak RM 40 000 daripada pihak bank untuk membeli 4 mesin kopi serta lain-lain kelengkapan kedainya. Berikut ialah 2 buah bank yang telah menawarkan pembiayaan kepada Encik Afif :

	BANK A	BANK B
Jumlah pembiayaan yang diluluskan	RM 40,000	RM 37,000
Tempoh pembiayaan	7 tahun	9 tahun
Kadar faedah	2.5%	2.3%
Cagaran	Tidak perlu	Perlu

Baru-baru ini, seorang rakan lamanya telah menawarkan untuk menyumbangkan modal ke dalam The 90's Cafe sekaligus menjadi rakan kongsi perniagaannya. Walau bagaimanapun Encik Afif menolak tawaran rakannya itu.

Berdasarkan kes di atas, jawab soalan-soalan berikut :

- a) i) Terangkan sektor yang terlibat dengan The 90's Cafe. [2 markah]
ii) Jelaskan perkembangan skala perniagaan The 90's Cafe. [4 markah]
- b) i) Apakah sumber teknologi yang dimiliki oleh The 90's Cafe? [1 markah]
ii) Bagaimanakah Encik Afif menguruskan sumber teknologi di b i)? [2 markah]
- c) i) Terangkan satu faktor dalaman yang telah membawa perubahan kepada persekitaran The 90's Cafe. [2 markah]
ii) Justifikasikan tindakan Encik Afif merekrut dua (2) barista baharu dari bekas pesaingnya? [3 markah]
- d) Bank manakah yang sesuai dipilih oleh Encik Afif? Berikan alasan anda. [4 markah]
- e) Mengapakah Encik Afif menolak tawaran dari rakan lamanya itu? [2 markah]

This image shows a single sheet of white paper with horizontal ruling lines. The lines are evenly spaced and run across the width of the page. There are no margins, text, or other markings on the paper.

[illegible]

JAWAPAN SOALAN 8

This image shows a single sheet of white paper with horizontal ruling lines. The lines are evenly spaced and run across the width of the page. There are no margins, text, or other markings on the paper.

This image shows a single sheet of white paper with horizontal ruling lines. The lines are evenly spaced and run across the width of the page. There are no margins, text, or other markings on the paper.

JAWAPAN SOALAN 9

This image shows a single sheet of white paper with horizontal ruling lines. The lines are evenly spaced and run across the width of the page. There are no margins, text, or other markings on the paper.

[illegible]

JAWAPAN SOALAN 10

[illegible]

[illegible]

This image shows a full page of blank, lined paper. It features approximately 20 evenly spaced horizontal grey lines across its entire width, providing a guide for handwriting or typing. The paper itself is a clean, off-white color. There are no margins, text, or other markings present on the page.

KERTAS SOALAN TAMAT.